

11 SEP 1997

Mahathir-Kyrgyz

MAHATHIR TIBA DI REPUBLIK KYRGYZ

Oleh: Zulkefli Salleh

BISHKEK (Kyrzgy), 11 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini, hari ini, kerana lawatan kerja tiga hari ke Republik Kyrgyz yang terletak di tengah benua Asia.

Ketibaan Dr Mahathir yang diiringi oleh isterinya Datin Dr Siti Hasmah Ali disambut oleh Presiden Askar Akayev.

Rombongan beliau terdiri daripada tujuh Menteri Kabinet, seorang Ketua Menteri dan 66 ahli perniagaan.

Menteri-menteri Kabinet itu ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, Menteri Pertanian Datuk Sulaiman Daud dan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat. Ketua Menteri Melaka Datuk Abu Zahar Ithnin turut menyertai rombongan itu.

Sementara itu ahli-ahli perniagaan dalam rombongan itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Mining Corporation Berhad Tan Sri Datuk Ibrahim Menudin, Pengarah Eksekutif Kumpulan YTL Corporation Bhd Datuk Aripin Mokhtar, Pengarah Urusan Edaran Otomobil Nasional Berhad Datuk Adzmi Abdul Wahab dan Datuk Amin Shah Omar Shah, pengarah Business Focus.

Lawatan kali ini merupakan yang kedua bagi Dr Mahathir ke Kyrgyz, yang pertama pada tahun lepas dan lawatan kali ini ialah sebagai susulan kepada usaha-usaha mewujudkan hubungan dua hala yang lebih rapat lagi.

Esok, Perdana Menteri akan menyaksikan majlis menandatangani tiga perjanjian iaitu Perjanjian Pelengkap Bagi Kerjasama Ekonomi antara Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan Kementerian Kewangan Kyrgyz; Perjanjian antara MEC Sales and Services Sdn. Bhd. dengan Aziz Ltd bagi pengedaran barangan keluaran MEC, dan a penyampaian saham-saham Ak-Keme Hotel antara Business Focus Sdn Bhd dan Ak-Keme Joint Stock Company.

Dr Mahathir juga akan mengadakan pertemuan dengan Presiden Akayev dan mereka dijangka membincangkan satu laporan kajian bersama pegawai-pegawai kedua-dua negara.

Dalam ucapannya di majlis makan malam yang dianjurkan oleh Presiden Akayev malam ini, Dr Mahathir berkata perbincangan sedang diadakan untuk meneliti bagaimana saintis-saintis dari Kyrgyz boleh memainkan peranan mereka di Malaysia. -- BERNAMA

ZKS PR